



## SIARAN AKHBAR

### PENYERAHAN DANA KECEMASAN PKS (SMEEF 2.0) KEPADA MANGSA BANJIR KAWASAN SHAH ALAM

**Kuala Lumpur, 13 Julai 2022** –SME Corp. Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), yang bekerjasama dengan MIDF sebagai agensi pelaksana, telah mengagihkan pinjaman di bawah Dana Kecemasan PKS 2.0 (SMEEF 2.0) bagi membantu PKS yang terkesan akibat banjir di Shah Alam. Dana ini menyediakan pembiayaan pinjaman modal kerja tanpa faedah serta moratorium selama setahun kepada kesemua penerima.

Majlis Penyerahan Dana Kecemasan PKS (SMEEF 2.0) telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh Omar, Menteri KUSKOP, di Uptown Shah Alam pada 13 Julai. Seramai 152 penerima bantuan daripada PKS yang terjejas akibat banjir di Uptown Shah Alam sendiri dan sekitar Shah Alam merupakan penerima manfaat program SMEEF 2.0 ini yang bernilai RM14.67 juta.

Menurut YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, 62 daripada 152 penerima bantuan ini merupakan mereka yang bermiaga di Uptown Shah Alam.

Tambah Rizal, dana kecemasan untuk mangsa banjir yang diperuntukkan sebanyak RM100 juta oleh kerajaan ini akan dapat digunakan untuk PKS bangkit semula serta memulihkan kembali perniagaan Keluarga Usahawan yang terkesan oleh bencana banjir ini secepat mungkin.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah YBhg. Dato' Seri Syed Hussien Al Habshee, Penggerusi SME Corp. Malaysia, YBrs. Encik Rizal Bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia, YBhg. Dato' Charon Wardini Mokhzani, Pengarah Urusan Kumpulan MIDF serta YBhg. Datuk Hj Azhari bin Dato' Shaari, Penggerusi Majlis Pembangunan Usahawan dan Koperasi Parlimen Shah Alam.

Untuk maklumat lanjut mengenai Dana Kecemasan PKS 2.0 (SMEEF 2.0) sila layari <https://www.smecorp.gov.my/> atau hubungi 1300 30 6000.

- TAMAT -

### **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mail : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman web: [www.smecorp.gov.my](https://www.smecorp.gov.my/)

### **Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Strategik**  
**(U.P.: Pn. Raja Rozaila bt Raja Azman)**  
**Tel : 03-27756203 atau 016-3322121**